



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

KENYATAAN MEDIA
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

**PELANTIKAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SME CORP. MALAYSIA BAHARU**

Putrajaya, 6 Ogos 2020 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) hari ini mengumumkan pelantikan Encik Rizal bin Nainy sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia yang baharu, berkuatkuasa mulai 21 Julai 2020.

Encik Rizal Nainy memiliki pengalaman luas dalam pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan keusahawanan. Berkelulusan dari Imperial College, University of London dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Charles Sturt University, Australia, Encik Rizal Nainy telah menyertai SME Corp. Malaysia sejak 1 Jun 2016. Beliau sebelum ini merupakan Ketua Pegawai Pelaksanaan dan Pemantauan di SME Corp. Malaysia yang bertanggungjawab untuk merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan program-program pembangunan PKS di Malaysia.

Sebelum menyertai SME Corp. Malaysia, Encik Rizal Nainy mempunyai pengalaman selama enam tahun dalam bidang transformasi strategik di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk merangka strategi dan memacu program transformasi ekonomi. Beliau telah ditugaskan bagi projek berprofil tinggi seperti bidang ekonomi utama Elektrik & Elektronik (terutamanya dalam LED, Semikonduktor, Solar dan Elektronik Industri), Inovasi, Nanoteknologi, Kenderaan Elektrik, Rel, Grid Pintar serta melaksanakan Program Kejuruteraan Semula Pengurusan dan Perniagaan.

Beliau juga berpengalaman selama 16 tahun dengan syarikat Shell di peringkat tempatan dan global, dan memegang pelbagai jawatan serta mempunyai kepakaran profesional merangkumi Perniagaan Runcit Hiliran Minyak & Gas.

Dengan pengalaman luas lebih dari 20 tahun di kedua-dua sektor awam dan korporat, Encik Rizal Nainy akan menerajui dan memperkukuhkan lagi operasi dan perkhidmatan SME Corp. Malaysia dalam memaju dan membangunkan PKS di Malaysia.

DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI